

Kemelut Dr. M-kerajaan perlu diselesaikan segera

Kemungkinan perasaan sunyi, terpinggir dan runding merupakan faktor yang mendorong Dr. Mahathir mengkritik kerajaan

RADZI SHEIKH AHMAD
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Oleh **HABIBAH OMAR**

PUTRAJAYA 8 Ogos - Program pembangunan negara akan tergendala sekiranya kemelut yang berlaku antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kerajaan tidak diselesaikan segera, kata Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Beliau yang juga Setiausaha Agung UMNO berkata, ini kerana kerajaan tidak boleh 'melarikan diri' daripada kemelut itu dan perlu berhadapan serta menyelesaikannya sebelum meneruskan program pembangunan itu.

"Tun adalah orang yang meletakkan semangat Malaysia Boleh, menyemat semangat untuk rakyat Malaysia, mendaki gunung tertinggi (Everest) dan belayar mengelilingi dunia (Datuk Azhar Mahsror).

"Namun beliau mengelilingi negara dengan mengkritik segalanya Tun tidak akan berputus asa dan kita mengetahui mengenainya, jadi apa akan berlaku kepada negara dan program yang telah kita atur selama ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan dan Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha kementerian tersebut, Aseh Che Mat dan Timbalan Menteri, Tan Chai Ho.

Mengulas lanjut, Radzi berkata, kemungkinan perasaan sunyi, terpinggir dan runding merupakan faktor yang mendorong Dr. Mahathir mengkritik kerajaan dan detik kemelut itu mungkin berpunca daripada 'ombak' kemenangan besar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pilihan raya umum lalu.

"Bila Abdullah ambil alih, sejak merdeka 49 tahun lalu, itulah keputusan pilihan raya umum yang terbaik dan banyak cerita (menyatakan) kemenangan itu kerana ombak Pak Lah (Abdullah).

"Ini bibit permulaan dan bila orang tidak tengok beliau (Dr. Mahathir), ini menambahkan kerunsingan dan kesunyian. Kemelut yang berlaku ini amat menyedihkan dan mengelirukan (rakyat)," katanya.

Menurut Radzi, tidak ada sesiapa yang me-

maksakan Dr. Mahathir untuk meletakkan jawatan malah beliau sendiri yang membuat keputusan itu dengan tangisan air mata.

Dr. Mahathir, katanya, mempunyai pilihan untuk memilih siapa penggantinya namun beliau memilih Abdullah walaupun Perdana Menteri bukannya berada di kedudukan pertama hierarki UMNO.

"Beliau ada pilihan dan bagi sebab kenapa pilih Perdana Menteri, tidak orang lain. Seluruh negara menyambut baik masa bertiada kepada Abdullah untuk ambil alih pemerintahan dengan cara baik," katanya.

"Saya berdoa supaya Allah tunjukkan jalan supaya isu ini akan selesai segera kerana kita tidak boleh melarikan diri daripadanya. Berfikirilah dengan rasional, adakah kerajaan seteruk itu," katanya.



RADZI Sheikh Ahmad (tengah), Aseh Che Mat (kiri) dan Tan Chai Ho mengibarkan Jalur Gemilang ketika menyanyikan lagu *Jalur Gemilang* pada Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Putrajaya, semalam.